

2

DINAMISME KEUSAHAWANAN ISLAM

Pengenalan

Islam sebagai petunjuk yang hakiki kepada seluruh kehidupan manusia sudah pasti secara tipikalnya tidak mengabaikan setiap aspek komponen keperluan insan. Begitu juga dalam ruang lingkup keusahawanan, secara prinsipnya ia digarap melalui asas-asas Islam yang banyak diperincikan dalam disiplin pengurusan Islam. Menerusi konsep pandang semesta Islam, kerangka asas keusahawanan yang merangkumi konseptual, teoritikal, ciri-ciri, metodologi dan teknik-teknik yang diaplikasi perlu selari dan mematuhi prinsip-prinsip Islam yang telah ditentukan oleh dalil wahyu. Selagi mana teori-teori dan konsep-konsep yang diperkenalkan oleh manusia tidak berkonfrantasi dengan falsafah syarak maka ianya boleh diterima pakai oleh golongan usahawan.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa sistem yang mendasari disiplin ilmu keusahawanan perlu dibangun berdasarkan kepada prinsip-prinsip syarak yang bertindak sebagai asas panduan atau batasan tingkah laku manusia dalam berinteraksi. Perhubungan interaksi yang dimaksudkan tersebut merangkumi hubungan yang bersifat individu atau yang berskala umum iaitu hubungan kemasyarakatan. Justeru itu, jelaslah bahawa dalam sistem keusahawanan prinsip-prinsipnya adalah berasaskan kepada pertimbangan wahyu yang berfungsi sebagai kodifikasi hukum untuk dipatuhi oleh manusia dalam setiap urusan transaksinya. Berdasarkan kepada penjelasan ini, ia bukanlah bermaksud bahawa syarak bersifat *rigid* dan eksklusif sehingga menutup ruang untuk berkompromi dengan penyertaan manusia dalam memahami ketentuan hukum. Sebaliknya, idea-idea pemikiran manusia

masih lagi berperanan penting dalam disiplin keusahawanan Islam sebagai kesepaduan di antara hukum tabii dan hukum syarie. Hakikatnya, harmonisasi di antara pemikiran manusia dan prinsip hukum telah membuktikan bahawa ajaran Islam bersikap toleransi dan dinamis yang bersesuaian dengan fitrah manusia.

TUNTUTAN MENYEMARAKKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Sehubungan dengan itu, Islam bersikap optimis terhadap penganutnya untuk menggerakkan setiap aktiviti keusahawanan bagi memajukan diri dan masyarakat umumnya. Melalui penjanaaan aktiviti tersebut, manusia dapat melangsungkan peradaban dalam suasana yang cukup sempurna atas fungsinya sebagai *Khalifah Al-Ard*. Bagi mencapai objektif murni tersebut, Islam mempunyai mekanisme-mekanisme tertentu dalam menyediakan satu gagasan yang adil dan telus untuk menyelesaikan dan merungkai permasalahan muamalah yang dihadapi oleh seluruh manusia. Atas premis yang mengisyaratkan bahawa Islam bersifat *universal* yang berorientasikan orde tauhid *rabbani*, memberi *mafhum* yang jelas bahawa ajarannya mengutamakan konsep kesepaduan, kesatuan dan ketaatan yang mutlak kepada PenciptaNya yang Agung.

Secara *eksplisit*, konseptual tauhid yang dimanifestasikan dalam ruang lingkup kehidupan insan akan menyerlahkan nilai-nilai positif seperti konsep kesatuan ummah yang bertunjangkan kasih sayang, persaudaraan dan persamaan sosial tanpa membezakan semangat bangsa, wilayah, status sosial dan sebagainya. Berasaskan pegangan kukuh kepada kepercayaan akidah ini, ia dapat membantu menyediakan satu *platform* pembentukan sistem nilai dan institusi sosial sebagai asas untuk membentuk dan merealisasikan sebuah insituti masyarakat yang berakauntabiliti. Berdasarkan kepada asas inilah ia dapat menyediakan satu suasana yang harmoni dalam masyarakat untuk menjalani kehidupan yang ideal di atas muka bumi ini.¹

¹ M.Umer Chapra. (1990). *Toward a Just Monetary System: a Discussion of Money, Banking and Monetary Policy in the Light of Islamic Teaching*, hlm. 10-11.